

22/06/2003

Pemuda syor al-Quran ditafsir semula

WAKIL Pemuda Umno, Shamsul Najmi Shamsuddin (gambar) menyarankan supaya ulama mentafsir semula al-Quran demi memastikan survival umat Islam dalam

menghadapi persaingan sengit peringkat global.

Katanya, idea itu pernah dikemukakan Dr Mahathir Mohamad suatu ketika dulu, tetapi dipandang sepi oleh cerdik pandai dan mereka yang arif mengenai kandungan kitab suci berkenaan.

"Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pernah menyarankan supaya al-Quran ditafsir semula, malangnya saranan yang bertujuan menyelesaikan salah faham terhadap Islam untuk menjamin survival ummah bukan saja dipandang sepi oleh cerdik pandai kitab, malah ditohmah oleh mereka yang menggelarkan diri kepimpinan ulama.

"Sebenarnya mereka takut jika al-Quran dan sunnah nabi ditafsir semula, produk pembohongan yang mereka label dengan nama Islam tidak lagi laku, malah tidak dipedulikan sesiapa.

"Sebenarnya mereka cuba menyembunyikan kebenaran sedangkan mereka mengetahuinya," katanya ketika membahaskan usul agama dan pendidikan.

Shamsul Najmi berkata, apabila al-Quran ditafsir semula, akan berkuburlah Pas yang selama ini suka menyalahgunakan tafsiran.

Beliau berkata, ahli Umno bukan benci kepada orang Pas.

Katanya, jika ahli Pas benar-benar mahu menjadi ulama pewaris nabi, golongan itu perlu bersedia berdakwah untuk membaiki dan menjernihkan hubungan antara ummah, bukan dengan berbohong atas pentas politik.

Beliau juga mengingatkan rakyat bahawa tindakan kerajaan membina prasarana komunikasi teknologi dan maklumat (ICT) adalah bagi membolehkan negara bersaing untuk menguasai dunia.